

KECENDERUNGAN KERJAYA SEBAGAI USAHAWAN DALAM KALANGAN PELAJAR BUMIPUTERA TAHUN AKHIR DIPLOMA PERNIAGAANTANI, KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG.

¹Ummi Aishah Mohd Mustafa, ²Shaffe Mohd Daud, ³Maslinda Mohd Senon, ⁴Nur Baizura Mohd Ismail

¹Kementerian Pendidikan Malaysia

²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

³Kolej Profesional MARA Beranang

Abstrak

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun begitu bilangan graduan yang berjaya menjadi usahawan adalah pada tahap yang rendah. MARA merupakan salah satu institusi yang menfokuskan langkah untuk mengukuhkan sektor pendidikan keusahawanan. Oleh itu faktor kecenderungan keusahawanan merupakan indikator awal yang penting dalam menentukan pelajar menjadi usahawan kelak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar tahun akhir program Diploma Perniagaantani di Kolej Profesional MARA Beranang terhadap kerjaya sebagai usahawan. Kajian literatur menunjukkan faktor seperti sikap, motivasi, dan program pengajian mempunyai impak yang penting dalam mempengaruhi kecenderungan seseorang itu untuk menjadi usahawan. Sebanyak 55 jumlah populasi telah dipilih dalam kalangan pelajar tahun akhir program Diploma Perniagaantani di Kolej Profesional MARA Beranang. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada kajian lepas. Data dianalisis menggunakan SPSS. Statistik yang digunakan ialah analisis diskriptif dan kolerasi. Dapatan kajian menunjukkan faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar menjadi usahawan adalah faktor motivasi, program pengajian, dan sikap. Terdapat hubungan yang signifikan antara faktor motivasi, program pengajian, dan sikap dengan kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan. Kajian mencadangkan supaya para pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran keusahawanan di institut pengajian. selain itu, kursus yang berkaitan perlu diberi penekanan pada aspek kesediaan menghadapi cabaran kepada bakal graduan.

Katakunci : Kerjaya, Ushawan, Sikap terhadap Kecenderungan Usahawan

Pendahuluan

Perkataan keusahawanan dalam Bahasa Inggeris iaitu *entrepreneur* berasal daripada bahasa Perancis *entreprenre* yang bermaksud memikul atau mencuba. Keusahawanan ialah aktiviti yang mendatangkan manfaat melalui pembangunan perniagaan yang berorientasikan keuntungan. Menurut Kuratko dan Hodgetts (1992) maksud usahawan ialah seseorang yang mengorganisasikan, menguruskan dan mengambil risiko perniagaan. Usahawan juga adalah seseorang yang menerima tugas untuk mengurus, mentadbir dan mempercayai risiko dalam perniagaan. Istilah keusahawanan biasanya digunakan untuk menggambarkan orang yang inovatif dan bersikap terbuka untuk menerima perubahan. Usahawan dicirikan sebagai seorang yang mempunyai daya usaha yang berterusan, berani untuk menghadapi risiko, kreatif, inovatif dan juga berpandangan jauh. Ciri-ciri sebagai seorang usahawan yang baik ialah seseorang individu yang berkomitmen tinggi dan sanggup bekerja kuat, jujur dan ikhlas, berdaya kreatif, mahir berkomunikasi, berani menanggung risiko dan bijak membuat penilaian dan keputusan (Samir Muhazzab Amin, 2009). Lambing & Kuehl (2000) menyenaraikan usahawan sebagai seorang yang mempunyai minat terhadap perniagaan, dtambah menghadapi kegagalan, yakin, mampu membuat keputusan sendiri, bijak menguruskan risiko, melihat perubahan sebagai satu peluang, bertoleransi, mempunyai inisiatif, mementingkan kesempurnaan, menghargai masa, kreatif, melihat sesuatu sebagai peluang, dan bermotivasi. Individu yang terlibat dengan keusahawanan juga mempunyai kebolehan untuk mengenalpasti peluang-peluang dan mengumpul sumber-sumber untuk mencapai matlamat mereka (O'Connor & Fiol, 2002).

Bidang keusahawanan adalah merupakan satu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Usaha melahirkan usahawan yang berjaya memerlukan komitmen, dedikasi, ketegasan, dan amalan yang berterusan ke arah mempraktikkan keusahawanan dalam setiap urusan harian. Menurut Kamarulzaman Ismail dan Amaludin Ab. Rahman (2009) budaya keusahawanan individu boleh diasuh dan dididik. Matlamat utama pendidikan keusahawanan ialah untuk menggalakkan pelajar memulakan perniagaan sendiri, meningkatkan keupayaan

keusahawanan diri serta menyediakan sokongan dan galakan untuk menceburi dunia perniagaan. Pendedahan awal keusahawanan adalah satu aspek yang penting untuk meningkatkan golongan usahawan. Minat terhadap keusahawanan adalah lebih kukuh jika diberi pendedahan awal (Fujisaki, Hirai, & Ohe, 1999),.

Menurut laporan statistik Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009, daripada jumlah graduan yang bergraduasi pada tahun tersebut (seramai 69,959 orang) hanya sebilangan kecil (1.6% atau 1088 orang) yang memilih usahawan sebagai kerjaya. Oleh kerana tidak ramai usahawan bumiputera dilahirkan menyebabkan mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi dan politik di Malaysia. Banyak dana yang dilaburkan bagi pendidikan usahawan tetapi hasilnya kurang memuaskan.

Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang telah dilancarkan pada 13 April 2010 bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik. Tujuan dasar ini adalah untuk melahirkan siswazah/lepasan IPT yang mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan. Selain itu dasar ini juga bertujuan meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan siswazah/lulusan IPT iaitu mereka yang benar-benar berkecimpung dalam bidang perniagaan. Dasar ini menjadi pemangkin kepada pencapaian transformasi ekonomi negara daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi serta melahirkan ahli akademik yang mempunyai nilai, kemahiran, pemikiran dan atribut keusahawanan (*entrepreneurial academics*). Sehubungan itu bagi melahirkan usahawan yang berjaya Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengambil banyak langkah dengan memberikan pendedahan awal keusahawanan terutamanya di Kolej Profesional MARA. Pelajar daripada pelbagai program akademik diberi pendedahan asas keusahawanan, pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Kecenderungan Usahawan

Aspek psikologi seperti motivasi, sikap, lokus kawalan, tingkah laku, dan ciri-ciri adalah dikatakan berperanan untuk membantu seseorang memulakan perniagaan (Autio, Keeley, Klofsten & Ulfstedt, 1997). Selain itu pilihan kerjaya mesti selaras dengan minat individu kerana ini akan dapat mengurangkan berlakunya pertukaran kerja dalam masa yang singkat (Holland, 1985). Oleh itu individu yang bertekad menceburi kerjaya keusahawanan mestilah mempunyai minat yang mendalam terhadap perniagaan.

Lewis (2005) telah menjalankan kajian berkaitan sikap dan tekad terhadap belia yang ingin menjalankan perniagaan dan dapatan menunjukkan belia yang ingin menjalankan perniagaan sendiri banyak dipengaruhi oleh sikap yang positif terhadap keusahawanan. Selain faktor sikap, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2007) menyatakan bahawa norma subjektif dan personaliti proaktif juga adalah faktor tambahan yang mempengaruhi tekad usahawan dan Krueger, Reily & Carsrud (2000) menambah satu lagi faktor iaitu keazaman. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Hisyamuddin Hassan (2010) yang menjalankan kajian keatas pelajar sekolah vokasional telah mendapati efikasi sendiri juga memainkan peranan dalam mempengaruhi minat pelajar untuk menjadi usahawan. Penyelidik ini juga telah melaporkan bahawa tekad keusahawanan yang sederhana wujud dalam kalangan murid berkenaan. Kajian yang berkaitan hubungan personaliti proaktif dan tekad keusahawanan telah dilakukan oleh Kickul and Zaper (2000) dan mereka melaporkan personaliti proaktif mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tekad keusahawanan.

Usaha memupuk individu untuk menjadi usahawan boleh dilakukan melalui latihan yang didedahkan diperingkat sekolah dan pengajian tinggi. Kepercayaan untuk menjadi usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan dan latihan.

“ fungsi sekolah hanya untuk melahirkan individu yang bakal menjadi pekerja, mengapa pula tidak ditanamkan nilai dan minat supaya apabila para pelajar keluar dari sekolah nanti, mereka menjadi seorang pengusaha atau pemilik perniagaan secara kecil-kecilan.”

(Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah, 2000).

Seterusnya, pengalaman ‘hands on’ dalam kalangan pelajar mata pelajaran Vokasional dapat membekalkan kemahiran secara praktikal dan akhirnya dapat menimbulkan minat untuk mereka berniaga. (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2008).

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar tahun akhir program Diploma Perniagaantani di Kolej Profesional MARA Beranang terhadap kerjaya sebagai usahawan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti;

- i. Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan.
- ii. Hubungan antara faktor motivasi dengan kecenderungan pelajar.
- iii. Hubungan antara program pengajian dengan kecenderungan pelajar.
- iv. Hubungan antara sikap dengan kecenderungan pelajar.

Metodologi

Kajian ini dijalankan di Kolej Profesional MARA Beranang. Para responden adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir semester 5 dan 6 program Diploma Perniagaantani di Kolej Profesional MARA Beranang iaitu seramai 55 orang. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan deskriptif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data menggunakan soal selidik. Sebanyak 55 borang soal selidik diedarkan kepada para responden. Item-item berkaitan dengan faktor motivasi, sikap, program pengajian dan kecenderungan pelajar terhadap bidang usahawan telah digubal berdasarkan kajian-kajian lepas dan sorotan literatur. Kesahan dan kebolehpercayaan item soalan selidik telah diperolehi oleh penyelidik sebelum diedarkan kepada responden.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini dipaparkan seperti Jadual 1 di bawah. Majoriti responden berumur antara 19 hingga 22 tahun iaitu seramai 55 orang. Responden perempuan adalah lebih ramai iaitu 65.5% berbanding hanya 34.5% sahaja responden lelaki. Data juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai keluarga yang berniaga iaitu seramai 61.8% dan secara tidak langsung mereka juga mungkin telah terdedah kepada pengalaman berniaga (70.9%). Sebilangan besar daripada responden bercita-cita untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi (52.7%) manakala yang bercita-cita untuk menjadi usahawan dan bekerja sendiri adalah seramai 36.4%

Jadual 1: Profil Responden

| Profil demografi | Kategori | Frekuensi | Peratus |
|----------------------------------|-----------------|-----------|---------|
| Jantina | Lelaki | 19 | 34.5 |
| | Perempuan | 36 | 65.5 |
| Latar Belakang Keluarga berniaga | Ada | 34 | 61.8 |
| | Tiada | 21 | 38.2 |
| Pengalaman Berniaga | Ada | 39 | 70.9 |
| | Tiada | 16 | 29.1 |
| Cita- Cita | Awam/kerajaan | 5 | 9.1 |
| | Swasta | 1 | 1.8 |
| | Bekerja sendiri | 4 | 7.3 |
| | Usahawan | 16 | 29.1 |
| | Sambung belajar | 29 | 52.7 |

Sikap

Sebanyak lima item telah digunakan untuk mengukur faktor sikap terhadap kecenderungan pelajar menjadi usahawan. Jadual 2 di bawah menunjukkan tahap bagi setiap item yang diukur.

Jadual 2: Faktor Sikap terhadap Kecenderungan Usahawan

| Bil. | Item | Min | SP | Tahap |
|------|---|------|------|------------------|
| 1. | Cuba untuk melakukan kerja yang rumit. | 3.05 | 1.22 | Sederhana rendah |
| 2. | Berusaha gigih untuk perbaiki prestasi diri. | 3.60 | 0.81 | Sederhana tinggi |
| 3. | Bersedia mengambil risiko yang sederhana untuk berjaya. | 3.96 | 0.83 | Sederhana tinggi |
| 4. | Berusaha menyempurnakan tugas. | 3.67 | 0.98 | Sederhana tinggi |
| 5. | Cuba melaksanakan tugas dengan lebih baik daripada rakan. | 4.16 | 0.92 | Tinggi |

Umumnya, skor min bagi setiap pernyataan adalah antara nilai 3.05 hingga 4.16. Dapatan ini menunjukkan majoriti daripada responden memiliki sikap pada tahap sederhana tinggi. Manakala item yang mengukur daya saing dan semangat untuk terus berusaha yang tinggi telah mencatatkan nilai min yang tertinggi (min= 4.16, SP = 0.92). Secara keseluruhan, faktor sikap terhadap kecenderungan usahawan yang ditunjukkan oleh responden kajian ini adalah pada tahap yang agak tinggi. Menurut Ahmad Shukri Mohd Nain (2002), individu yang mempunyai orientasi pencapaian yang tinggi mempamerkan tingkah laku yang sentiasa berusaha memperbaiki mutu kerjanya, ingin melakukan dan mencuba yang terbaik dalam setiap perkara yang dilakukan dan gemar kepada bentuk kerja yang mencabar sifatnya. Oleh itu responden kajian ini mempunyai potensi untuk menjadi usahawan pada suatu masa kelak berdasarkan sikap yang mereka tunjukkan. Kajian ini walaupun menunjukkan skor yang sederhana tinggi tapi menyokong kajian yang dilakukan oleh (Pihie & Bagheri, 2010) dan keatas pelajar sekolah menengah aliaran vokasional yang menunjukkan sikap mempengaruhi kecenderungan untuk menjadi usahawan.

Motivasi

Sebanyak 10 item telah digunakan untuk mengukur faktor motivasi terhadap kecenderungan usahawan responden. Jadual 3 menunjukkan tahap bagi setiap item mengikut persepsi responden.

Jadual 3 : Faktor Motivasi terhadap Kecenderungan Usahawan

| Bil. | Item | Min | SP | Tahap |
|------|--|------|------|------------------|
| 1 | Ingin mengumpul lebih banyak wang. | 4.16 | 0.88 | Tinggi |
| 2 | Ingin kebebasan untuk bertindak. | 4.31 | 0.92 | Tinggi |
| 3 | Ingin jadi Boss. | 4.22 | 0.86 | Tinggi |
| 4 | Akan dihormati jika saya berniaga. | 3.98 | 1.08 | Sederhana tinggi |
| 5 | Ingin berniaga kerana sukar dapat kerja selepas tamat belajar nanti. | 3.80 | 0.93 | Sederhana tinggi |
| 6 | Sukakan cabaran. | 3.62 | 1.01 | Sederhana tinggi |
| 7 | Suka mendapat untung yang banyak. | 3.98 | 0.91 | Sederhana tinggi |
| 8 | Suka mencontohi orang yang berjaya. | 4.27 | 0.89 | Tinggi |
| 9 | Mempunyai hobi yang sesuai untuk memulakan perniagaan. | 4.38 | 0.76 | Tinggi |
| 10 | Suka mencetuskan idea baru. | 3.86 | 1.03 | Sederhana tinggi |

Lima item telah mencatat nilai min tahap tinggi dan selebihnya sederhana tinggi. Motivasi responden yang tinggi untuk cenderung menjadi usahawan adalah kerana mereka ingin mengumpul wang, menjadi boss dan bebas bertindak atau membuat keputusan. Usahawan yang telah berjaya juga menjadi motivasi kepada mereka disamping hobi adalah juga sebagai faktor pendorong utama. Individu yang ingin terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan perlu mempunyai komitmen yang tinggi dan sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai risiko (Khairuddin Khalil, 2003). Manakala individu yang mempunyai motivasi keusahawanan yang tinggi akan mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan apabila tamat belajar (Shane, Locke, &

Collins, 2003). Menurut Solesvik (2013) pelajar yang mempelajari pengajian keusahawanan akan mempunyai motivasi yang tinggi untuk menjadi usahawan.

Program Pengajian

Terdapat 6 item digunakan untuk mengukur sama ada program pengajian dapat mempengaruhi kecenderungan pelajar menjadi usahawan.

Jadual 4: Faktor Program Pengajian terhadap Kecenderungan Usahawan

| Bil. | Item | Min | SP | Tahap |
|------|--|------|------|------------------|
| 1. | Pengajian di KPMB membuka minat saya untuk berniaga | 3.98 | 0.93 | Sederhana tinggi |
| 2. | Pengajian di KPMB memberikan saya pengetahuan mengenai usahawan | 4.11 | 0.94 | Tinggi |
| 3. | Kelulusan akademik yang tinggi mendorong saya untuk menjadi usahawan | 4.26 | 0.84 | Tinggi |
| 4. | Program DAB di KPMB adalah relevan dalam meningkatkan bilangan Bumiputera dalam bidang usahawantani. | 4.05 | 0.89 | Tinggi |
| 5. | Program DAB mempunyai potensi untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah. | 4.36 | 0.87 | Tinggi |
| 6. | Program DAB berjaya mengubah minda saya dengan tidak bergantung kepada pekerjaan yang ditawarkan oleh sektor kerajaan dan swasta tetapi sebaliknya menjadi usahawantani. | 4.33 | 0.96 | Tinggi |

Jadual 4 di atas menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa Program Diploma Perniagaantani mempunyai potensi untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah (min=4.36, SP=.96). Walau bagaimanapun pelajar masih berpendapat pengajian di KPMB masih kurang membuka minat mereka untuk berniaga (min=3.98, SP=.93). Sebagai sebuah institusi pendidikan KPMB perlu mewujudkan persekitaran atau budaya keusahawan amat diperlukan bagi melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar. Menurut Fayolle (2000), budaya dan persekitaran keusahawanan dalam institusi pendidikan adalah perlu bagi menggalakkan semangat keusahawanan. Dapatan kajian ini menyokong pandangan Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah (2000) yang menyatakan bahawa kepercayaan untuk menjadi usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan dan latihan. Pandangan ini turut disokong oleh Norasmah Othman dan Salmah Ishak (2011) yang menyatakan bahawa latihan yang didedahkan dalam pengajian Keusahawanan secara formal akan memberi persepsi positif pelajar terhadap pemilihan kerjaya usahawan.

Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Usahawan

Berdasarkan Jadual 2, 3 dan 4 di atas, motivasi dan program pengajian adalah faktor yang lebih mempengaruhi responden berbanding dengan faktor sikap kerana kedua-dua faktor tersebut telah menunjukkan tahap yang tinggi.

Jadual 5 : Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan

| Item | Min | SP | Tahap |
|-------------------|------|------|------------------|
| Sikap | 3.61 | 0.72 | Sederhana Tinggi |
| Motivasi | 4.21 | 0.76 | Tinggi |
| Program pengajian | 4.15 | 0.82 | Tinggi |

Jadual 5 menunjukkan faktor yang tinggi mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan ialah motivasi (min=4.21 SP= 0.76) diikuti faktor pengajian (Min =4.15, SP= 0.82) dan faktor sikap yang mencatatkan sederhana tinggi (min=3.61 SP= 0.72). Motivasi berperanan menaikkan semangat, mempengaruhi, merangsang dan menggerakkan perilaku dan sikap individu untuk bertindak selaras dengan cita- citanya. Dapatan kajian ini menyokong pendapat Khairuddin Khalil (2003) yang menyatakan bahawa motivasi adalah faktor penting dalam menentukan tahap kecemerlangan seseorang. Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006) juga turut menegaskan bahawa motivasi adalah dorongan dalaman yang berfungsi untuk mengaktif serta memberi tenaga kepada sikap serta memberi arah kepada seseorang. Program pengajian juga berperanan untuk mempengaruhi pelajar untuk memilih kerjaya usahawan sebagai pilihan utama. Pelajar yang berada dalam program pengajian keusahawanan akan merasa mereka mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk mengemudi sebuah perniagaan menggunakan kemahiran yang mereka pelajari dalam pengajian (Solesvik, 2013).

Kecenderungan Memilih Kerjaya Keusahawanan

Sebanyak lapan item telah diguna untuk mengukur kecenderungan responden terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Jadual 6 di bawah menunjukkan tahap kecenderungan responden.

Jadual 6 : Kecenderungan Memilih Kerjaya sebagai Usahawan

| Bil. | Item | Min | SP | Tahap |
|------|---|------|------|------------------|
| 1 | Tidak berpuas hati dengan apa yang ada sekarang. | 4.09 | 1.02 | Tinggi |
| 2 | Wang pendorong untuk berniaga. | 3.95 | 1.08 | Sederhana tinggi |
| 3 | Kelulusan akademik yang tinggi mendorong menjadi usahawan. | 3.85 | 1.03 | Sederhana tinggi |
| 4 | Kejayaan ahli keluarga atau saudara mara dalam keusahawanan telah mendorong untuk berjaya seperti mereka. | 3.91 | 0.95 | Sederhana tinggi |
| 5 | Ibu bapa menggalakkan menceburi bidang keusahawanan dan perniagaan. | 3.98 | 1.08 | Sederhana tinggi |
| 6 | Kejayaan kawan dalam perniagaan mendorong untuk lebih cemerlang dalam bidang keusahawanan. | 3.95 | 1.04 | Sederhana tinggi |
| 7 | Bertanggungjawab meningkatkan taraf hidup keluarga saya. | 4.35 | 0.84 | Tinggi |
| 8 | Status tinggi usahawan di mata masyarakat menaikkan minat untuk lebih cemerlang dalam bidang ini. | 4.15 | 1.11 | Tinggi |

Kecenderungan yang tertinggi adalah rasa tanggungjawab untuk meningkatkan taraf hidup keluarga (min = 4.35, SP=0.84), status usahawan berjaya yang dipandang tinggi oleh masyarakat (min=4.15, SP=1.11) dan keinginan untuk meningkatkan taraf hidup. (min = 4.09, SP = 1.02). Manakala lain-lain aspek mencatatkan tahap min yang sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan pelajar cenderung untuk menjadi usahawan kerana tidak berpuas hati dengan taraf hidup masing-masing melalui status kewangan dan status sosial yang tinggi apabila mereka bergelar usahawan kelak. Dapatan ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Norasmah Othman dan Salmah Ishak (2011) yang menunjukkan bahawa pelajar siswazah mempunyai persepsi yang positif terhadap kecenderungan kerjaya sebagai usahawan selepas tamat belajar. Berdasarkan persepsi yang tinggi tentang pemilihan kerjaya keusahawanan, ini bermakna peluang untuk peserta dalam kajian ini mempamerkan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan juga adalah lebih cerah. Hal ini selari dengan pendapat Bird (1989) apabila beliau menegaskan bahawa keputusan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan banyak dipengaruhi oleh persepsi seseorang individu. Persepsi yang positif seseorang individu terhadap sesuatu terhadap sesuatu kerjaya akan menyebabkan peluangnya untuk menceburi bidang tersebut adalah tinggi dan begitu

juga sebaliknya. Jika individu tersebut mempunyai persepsi yang positif terhadap sesuatu kerjaya maka peluangnya untuk menceburi bidang tersebut juga adalah tinggi dan begitu juga sebaliknya. Dapatan kajian ini juga telah menyokong teori tingkah laku terancang yang dicadangkan oleh Ajzen (1991) iaitu tingkah laku seseorang berupaya meramal pilihan mereka terhadap sesuatu perkara.

Hubungan antara Faktor Motivasi, Sikap dan Program Pengajian Dengan Kecenderungan Pelajar Menjadi Usahawan.

Jadual 7 menunjukkan perkaitan antara faktor program pengajian, motivasi dan sikap (pembolehubah tidak bersandar) dengan kecenderungan menjadi usahawan.

Jadual 7: Perkaitan antara Faktor Program Pengajian, Motivasi dan Sikap dengan Kecenderungan Keusahawanan

| Pembolehubah | | Kecenderungan Keusahawanan | Interprestasi |
|-------------------|-----------------|----------------------------|----------------|
| Program pengajian | R | .489** | Sederhana kuat |
| | Sig. (2-tailed) | 0.000 | |
| | N | 55 | |
| Motivasi | R | .637** | Kuat |
| | Sig. (2-tailed) | 0.000 | |
| | N | 55 | |
| Sikap | R | .214 | Lemah |
| | Sig. (2-tailed) | 0.117 | |
| | N | 55 | |

** signifikan pada aras alfa = 0.01 (2-tailed).

Tafsiran kolerasi : 0.70 ke atas = sangat kuat, 0.50 – 0.69 = kuat, 0.30 – 0.49 = sederhana kuat, 0.10 – 0.29 = lemah (Cohen, 1988)

Keputusan di atas menunjukkan perkaitan yang tinggi ($r = .637$) adalah antara faktor motivasi dengan kecenderungan menjadi usahawan. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan menjadi usahawan adalah berkaitan kuat secara positif dengan faktor motivasi. Oleh itu motivasi yang tinggi dalam diri seseorang individu adalah penting untuk cenderung menjadi seorang usahawan. McClelland (1961) menegaskan bahawa keperluan pencapaian yang tinggi merupakan kunci utama bagi ciri personaliti keusahawanan dan merupakan ciri kepimpinan keusahawanan yang diiktiraf. Justeru itu, faktor motivasi yang tinggi secara tidak langsung berkait dengan kuat dengan kecenderungan seseorang memilih kerjaya sebagai usahawan.

Selain itu program pengajian juga didapati mempunyai perkaitan secara positif dan sederhana kuat dengan kecenderungan pelajar menjadi usahawan ($r = .489$). Keputusan ini menunjukkan program pengajian adalah berperanan dalam membentuk seseorang pelajar untuk menjadi usahawan. Dapatan kajian ini menyokong kenyataan Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Hisyammudin Hasan (2010) yang menyatakan bahawa seseorang usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan dan latihan di institusi pengajian.

Perkaitan yang lemah ($r = .214$) dikenalpasti wujud antara sikap dengan kecenderungan menjadi usahawan. Walau bagaimanapun faktor sikap adalah merupakan faktor yang sangat subjektif dan ianya boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan dalaman pelajar itu sendiri. Perkaitan yang lemah antara sikap dan kecenderungan pelajar menjadi usahawan adalah berkaitan dengan catatan min faktor sikap pelajar itu sendiri yang menunjukkan tahap sederhana tinggi dalam kebanyakan aspek sikap (Rujuk Jadual 2).

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan pelajar Kolej Professional MARA Beranang yang mengikuti kursus Keusahawanan menunjukkan motivasi yang tinggi. Program pengajian yang diikuti telah dapat

membantu mereka untuk menjadi usahawan. Walau bagaimana pun faktor sikap terhadap kecenderungan usahawan mencatatkan tahap min yang sederhana tinggi. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang banyak mempengaruhi kecenderungan responden memilih kerjaya sebagai usahawan adalah faktor motivasi dan program pengajian.

Faktor motivasi didapati mempunyai perkaitan positif yang kuat dengan kecenderungan responden untuk menjadi usahawan manakala faktor program pengajian menunjukkan perkaitan positif yang sederhana kuat berbanding faktor sikap yang mencatatkan perkaitan positif yang lemah. Institusi yang mengendalikan latihan dicadangkan supaya lebih menumpukan kepada aspek sikap semasa mengendalikan latihan kepada pelajar dalam bidang keusahawanan bagi memastikan kesinambungan kecenderungan terhadap keusahawanan dapat berterusan apabila mereka menamatkan latihan kelak. Walau bagaimanapun faktor motivasi dan program pengajian telah dapat disediakan oleh institusi pengajian yang dikaji bagi membantu pelajar-pelajar mereka menjadi seorang usahawan. Beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini juga telah menegaskan bahawa faktor sikap adalah penting dalam usaha untuk membentuk seorang usahawan semasa dalam latihan yang dijalani mereka.

Rujukan

- Ahmad Shukri Mohd Nain (2002). *“Tingkah Laku Organisasi Pengenalan Tingkah Laku Individu.”* Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). *“Memimpin Diri Sendiri”.* Shah Alam: PTS Publications
- Ahmad Zabidi Abdul Razak, (2006) *Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran.* Jurnal Pendidikan Malaysia, 31 . pp. 3-19.
- Autio, E., Keeley, R. H., Klofsten, M. & Ulfstedt, T. (1997). *Entrepreneurial Intent Among Student. Testing and Intent Model in Asia, Scandinavia and USA. Frontial of Entrepreneurship Research, Babson Conference Proceeding.* Dimuat turun pada 10 Disember 2012 dari <http://www.babson.edu/entrep/fer>
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control.* New York: W. H. Freeman and Company.
- Bird, B. (1989). *Entrepreneurial Behavior.* Glenview, IL: Scott, Foresman and Co.
- Bryant, P. T. (2006). *Improving Entrepreneurial Education through Self-Regulatory Skills.* Sydney: The University of Sydney.
- Fayolle, A., (2000), *Exploratory Study to Assess the Effects of Entrepreneurship Programs on Student Entrepreneurial Behaviours,* Journal of Enterprising Culture, 8(2), 169-184.
- Fujisaki, M. Y., Hirai, Y., & Ohe T. (1999). *Relationship between the entrepreneurial aspiration of Japanese college students and timing of their first encounter with entrepreneurial concepts.* Dimuat turun pada 15 Disember 2012 dari <http://fusionmx.babson.edu/entrep/fer/II/IID/IID.htm>
- Henry, C., Hill, F. & Leitch, C. (2006) Entrepreneurship education and training: Can Entrepreneurship be taught? *Education & Training*, 47(2), 98-111.
- Higgins, E.T., Friedman, R.S., Harlow, R.E., Idson, L.C., Ayduk O.N. & Taylor, A. (2001) Achievement orientations from subjective histories of success: Promotion pride versus prevention pride. *European Journal of Social Psychology*, 31(1), 3-23.
- Holland, J. L. (1985). *Making Vocational Choices: A Theory of Career Vocational Personalities and Work Environment* (2nd ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Kamarulzaman Ismail dan Amaludin Ab. Rahman (2009). *Melangkah Ke Alam Keusahawanan.* Rawang: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Karatko, D. F. (2007). *Entrepreneurship* (7th Ed.). Mason, OH: Thomson South-Western
- Khairuddin Khalil (2003). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya Edisi Kedua.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Krueger, N.F., Reilly, M. D. Jr., & Carsrud, A. L. (2000). Entrepreneurship Intentions: A Competing Model Approach. *Journal of Business Venturing*, 15(5-6), 411-432.
- Lambing, P., & Kuehl, C. R. (2000). *Entrepreneurship* (Second Ed.). New Jersey: Prentice Hall.

- Landroom, H. (2000). *Entrepreneurship*. 2nd ed. Lund: Kindler.
- McClelland, D. C. (1961). *The Achieving Society*. Princeton : D. Van Nostrand Company, Inc.
- Mohd. Majid Konting (2005) "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norasmah Hj. Othman dan Halimah Harun (2007). *Keusahawan Remaja Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Norasmah Othman, & Salmah Ishak. (2011). Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi*, 56, 47–63.
- O' Connor, E. J., & Fiol, C. M. (2002). Mindful over mindless: Learning to think like an entrepreneur. *The Physician Executive*, 28(4), 18-23.
- Pihie, Z. A. L., & Bagheri, A. (2010). Entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy of technical secondary school students. *Journal of Vocational Education & Training*, 62(3), 351–366.
- Samer Muhazzab Amin , Azali Mohamed, Mohammad Shatar Sabran, Zulhamri Abdullah, Paramasivam.M, (2009). *Kemahiran Keusahawanan*. Serdang: Penerbit UPM.
- Schwarz, L.B. (1999). *Entrepreneurship The Art of Embracing the Unknown*. New York: Pub Press.
- Sexton, D.L.& J.D. Karsede. (1991). *The State of The Art of Entrepreneurship*. Boston M.A: Kent Publishing.
- Solesvik, M. Z. (2013). Entrepreneurial motivations and intentions: investigating the role of education major. *Education + Training*, 55(3), 253–271.
- Shane, S., Locke, E. A., & Collins, C. J. (2003). Entrepreneurial motivation, 13, 257–279
- Wilson, F., Kickul, J. & Marlino, D. (2007). Gender entrepreneurial self efficacy, and entrepreneurial Career intention: Implications for Entrepreneurship education. *Entrepreneurship Theory & Practice*, 31(3), 387- 401.
- Zaidatol Akmaliah dan Habibah (2000). *Pengajaran Pembelajaran Perdagangan, Keusahawanan dan Ekonomi Asas*. Serdang: Penerbit UPM.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2007). *Usahawan dan Keusahawanan: Satu Perspektif Pendidikan*. Serdang: Penerbit UPM.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Hisyamuddin Hassan (2010). *Memperkasa Tekad Keusahawan Pelajar*. Serdang: Penerbit UPM.